

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN JONATHAN YASIN [RANAU]

TARIKH : 7 NOVEMBER 2019 (KHAMIS)

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilakah kuasa autonomi berkaitan pendidikan dan perubatan dikembalikan kepada negeri Sabah.

**JAWAPAN: YB TUAN MOHAMED BIN HANIPA, TIMBALAN MENTERI
DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Sehingga 23 Julai 2019, sebanyak tujuh isu telah mendapat persetujuan bersama di antara Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri Sabah dan Kerajaan Negeri Sarawak. Isu-isu tersebut adalah seperti berikut:

1. Tuntutan duti eksport balak dan hasil hutan
2. Pengedaran gas dan kuasa kawal selia elektrik dan gas
3. Pelaksanaan kerja raya Persekutuan dan Negeri
4. Tenaga buruh
5. Kuasa negeri ke atas isu kesihatan
6. Pentadbiran Pulau Sipadan dan Ligitan
7. Isu pertanian dan perhutanan

Untuk makluman YB Ranau, Jawatankuasa Khas Kabinet Untuk Menyemak Pelaksanaan Perjanjian Malaysia 1963 telah bersetuju supaya satu jawatankuasa berasingan diwujudkan bagi bagi membincangkan

NO. SOALAN : 23

dengan lebih lanjut berhubung isu pengurusan kesihatan di Sabah dan Sarawak.

Manakala berhubung isu autonomi pendidikan, perkara ini tidak dibincangkan di bawah Jawatan Kuasa Khas Kabinet ini. Ini selaras dengan keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri pada 5 September 2018 yang memutuskan supaya perkara ini dibincangkan dalam forum berasingan.

Sekian, terima kasih